

14/10/2000

35,000 hektar tanah terbiar sesuai dimaju

SEREMBAN, Jumaat - Kira-kira 35,000 hektar tanah terbiar yang setiap kawasan mempunyai keluasan lebih 10 hektar dikenal pasti di seluruh negara sebagai berpotensi dimajukan secara komersil.

Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi, berkata pembangunan tanah terbiar secara komersil memerlukan saiz tanah yang luas untuk memberi pulangan menguntungkan.

Katanya, pembangunan tanah terbiar secara besar-besaran membolehkan teknologi moden digunakan manakala kecekapan pengurusan dipertingkatkan.

Sehubungan itu, katanya tumpuan kerajaan sekarang ialah memujuk pemilik tanah terbiar supaya membenarkan tanah itu dimajukan, sama ada oleh pemilik tanah sendiri atau oleh pengusaha lain.

"Misi kerajaan ialah meyakinkan pemilik tanah terbiar bahawa mereka tidak rugi apa-apa dengan membenarkan tanah dimajukan," katanya ketika melawat projek integrasi Kampung Tanjung, Nilai dekat sini, hari ini.

Petang ini, Effendi yang diiringi pegawai kanan kementerian melawat projek pertanian Kampung Bukit Tembok dan Sungai Raya, Port Dickson, seluas kira-kira 500 hektar.

Mohd Effendi berkata, projek di Kampung Bukit Tembok dan Sungai Raya penting kepada pembangunan tanah terbiar negara.

Katanya, apabila projek itu berjaya dan kira-kira 180 peserta mendapat pulangan lumayan, pemilik tanah terbiar lain akan turut berminat memajukan tanah mereka.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri memberi penekanan terhadap pembangunan pertanian kerana mahu negara menjadi pengeluar makanan utama.

(END)